

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan dan pelan Kementerian untuk menambah baik proses pengesanan kontak (*contact-tracing*) yang sangat penting untuk mengawal sebarang penularan wabak COVID-19 dan juga pandemik-pandemik yang akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pengesanan kontak (*contact tracing*) adalah salah satu aktiviti penting dalam tindakan kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit, bagi menghalang penularan jangkitan berterusan dalam komuniti. Aktiviti ini sebaik-baiknya dijalankan sejeurus selepas notifikasi kes positif diterima dan terus membuat penentuan kluster dengan mengaitkan data epidemiologi kes-kes ini.

2. Bagi memudahcara siasatan kes dan kontak dalam menentusahkan kluster, Kementerian Kesihatan telah menggunakan aplikasi MySejahtera bagi notifikasi kes dan pengesanan kontak. Selain itu, mobilisasi petugas dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta juga dilakukan bagi menjalankan aktiviti secara fizikal terutama di kawasan dengan liputan internet yang rendah.

3. Selain proses pengesanan kontak (*contact-tracing*) yang sedia ada, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan sedang membangunkan satu lagi modul pengesanan kontak dalam MySejahtera dengan menggunakan kaedah *Bluetooth*. Dengan menggunakan kaedah ini, dua komponen dapat dianalisa iaitu komponen masa dan jarak dan ini sekaligus dapat meningkatkan lagi ketepatan pengesanan kontak secara digital.

Sekian, terima kasih